



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**KENDURI RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**PADANG BOLA SEPAK SRI JOHOR, JALAN JELAWAT, BANDAR TUN RAZAK  
WP KUALA LUMPUR**

**10 FEBRUARI 2019 (AHAD)  
JAM 11.30 PAGI**

**Bismilahirrahmannirahim,**

**Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis**

**YB Dato' Kamarudin Bin Jaafar**

**Timbalan Menteri Pengangkutan Merangkap Ahli Parlimen Bandar Tun Razak**

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Mohd Salleh**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Hj Kassim**

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Dato' Norhisham Bin Ahmad Dahlan**

**Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar  
TKSU (Pengurusan & Sosio Ekonomi)  
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg Dato Siti Fatimah Binti Daud  
TKSU (Perancangan & Pembangunan)  
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**Datuk-Datuk, Tuan -Tuan dan Puan-Puan**

**Selaku Warga Kota Yang Dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

## **PENDAHULUAN**

Terlebih dahulu, sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayah-Nya, maka kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang mulia ini di Padang Perumahan Seri Johor, Bandar Tun Razak untuk meraikan Majlis Kenduri Rakyat Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersempena sambutan Hari Wilayah Ke-15 pada tahun ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada kesemua yang telah terlibat dalam menjayakan majlis kenduri rakyat ini terutamanya tuan rumah Parlimen Bandar Tun Razak. Ini juga termasuk kepada kesemua barisan Jawatan Kuasa yang telah bertungkus lumus dalam memastikan majlis ini berjalan lancar.

Tidak saya lupakan jua penglibatan semua agensi kerajaan, pihak swasta dan Majlis Perwakilan Penduduk WPKL, badan- badan NGO termasuk kesemua para pemimpin komuniti setempat yang telah bersama menyumbang idea dan tenaga dalam memeriahkan majlis pada hari ini.

## **TEMA DAN OBJEKTIF SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019**

Para hadirin Yang Dihormati sekalian,

Pada tahun ini slogan “Sayangi Wilayahku” telah diangkat sebagai tema untuk sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Pemilihan tema ini berasaskan kepada

semangat integrasi nasional dan kesejahteraan yang akan menjadi penggerak utama agenda memperkasakan perpaduan kepelbagaian lapisan masyarakat yang berbilang kaum khususnya di Wilayah Persekutuan.

Sambutan pada tahun ini juga terdapat sedikit kelainan berbanding tahun-tahun lepas kerana pada tahun ini sambutan Majlis Kenduri Wilayah hanya dibuat di Parlimen Bandar Tun Razak bagi mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan. Ini berbanding sambutannya diadakan di setiap Parlimen pada tahun-tahun sebelumnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Majlis ini juga telah dikenali sebagai Majlis Kenduri Rakyat dan ini sejajar dengan hasrat kerajaan baharu Pakatan Harapan untuk mengelakkan pembaziran semasa menghadapi suasana ekonomi yang tidak berapa baik sekarang ini.

Walaupun kehangatan dan kemeriahan sambutan Hari wilayah pada tahun ini akan tetap diteruskan sebagaimana pada tahun-tahun sebelumnya. Ini terbukti melalui hasil kerjasama strategik Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Kampung Baharu.

Menariknya sambutan tahun ini turut diserikan dengan penyertaan tiga agensi baharu dibawah Kementerian iaitu PLAN Malaysia, Jabatan Lanskap Negara dan Pejabat Tanah dan Galian yang turut sama menganjurkan acara.

## **PENGISIAN PROGRAM HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019**

Kementerian telah menyediakan hampir 21 buah program di sepanjang bulan Februari ini yang masih inklusif kepada semua golongan dari yang muda, belia, keluarga, dan seluruh komuniti di Wilayah Persekutuan. Sambutan untuk kali ini telah dimulakan dengan Pelancaran Kempen Kibar Bendera pada pertengahan bulan Januari peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan diakhiri dengan Program CSR Wilayah Persekutuan di Putrajaya pada 26 Februari 2019.

Secara keseluruhan Pengisian program pada tahun ini melibatkan lima (5) kluster utama iatu Kluster Pengiktirafan, Kluster Mesra Rakyat, Kluster Sukan Dan Rekreasi, Kluster Ilmiah Dan Kerohanian dan Kluster Inisiatif Mensejahterakan Rakyat.

Apa yang menarik, pada hari ini saya juga akan melancarkan Program Pelaksanaan Kebajikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2019 yang melibatkan Program Jati Diri, Gelandangan, Program Kesejahteraan Wilayah, Program Ekonomi, Bas GoKL, Program Van Wilayah, "Mobile Clinic", Bantuan Peralatan Kesihatan dan Program Bakat OKU.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada bandaraya Kuala Lumpur kerana telah diberi pengiktirafan sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020. Pengiktirafan ini telah diberikan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) kepada bandar raya yang menunjukkan komitmen tinggi kepada aktiviti perbukuan, ke-susasteraan, kesenian dan gerakan membaca. Kuala Lumpur merupakan bandar raya ke-20 yang telah memenangi gelaran ini dan acara kemuncak bagi pengiktirafan ini akan bermula pada 23 April 2020 pada Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

### **Tema Baru KWP "Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi"**

Para hadirin Yang Dihormati sekalian,

Untuk makluman semua baru-baru ini Kementerian Wilayah telahpun melancarkan dasar dan hala tuju yang baru di bawah program Wawasan Wilayah Persekutuan untuk tahun 2019. Wawasan "Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi" ini akan menjadi tema baharu bagi Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menggantikan tema sebelum ini.

Secara keseluruhan tema ini menggambarkan usaha warga Wilayah Persekutuan membentuk suasana peduli, sihat dan selamat. Wawasan ini akan memfokuskan enam paksi utama iaitu bandar raya yang bersih, keselamatan awam, pengangkutan awam yang cekap, dasar sosioekonomi mapan, persekitaran hijau dan komuniti

inklusif. Kesemua ini penting dalam memastikan perancangan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai bandaraya lestari dan berkualiti akan diteruskan.

## **PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR**

Para hadirin Yang Dihormati sekalian,

Semenjak pengabungan bandaraya Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya pada tahun 2004 sebagai Wilayah Persekutuan dibawah Kementerian Wilayah Persekutuan terdapat banyak kemajuan yang telah dicapai dan dinikmati oleh warga Wilayah. Insyallah dibawah pimpinan kerajaan baru ini kita akan cuba melaksanakan dasar yang lebih telus dan berintegriti dalam menyantuni denyut dan nadi rakyat.

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pelbagai inisiatif telah dilaksanakan antaranya pengwujudan Majlis Mesyuarat Menteri, penilitian semula projek -projek tumpuan yang melibatkan 97 projek di Kuala Lumpur yang membawa pendapatan tambahan RM149 juta untuk kita, Pen wartaan semula Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 dan seterusnya penumpuan pembangunan Kampung Baru.

Kesemua ini penting dalam usaha untuk memacu pembangunan Kuala Lumpur kearah bandar raya hijau dan mampan yang bertaraf dunia. Ini berteraskan tiga (3) elemen utama iaitu Kualiti Alam Sekitar, Kesaksamaan Sosial dan Kemakmuran Ekonomi.

Ini dapat dilihat melalui mentransformasikan Lembangan Sungai Kelang dibawah "Projek River Of Life" (Sungai Nadi Kehidupan) yang melibatkan jajaran hampir 110 kilometer dan mengubah tahap kualiti air dari kelas 5 kepada kelas 2. Melalui projek ini Sungai Gombak dan Sungai Kelang akan menjadi 'ikon waterfront' yang dinamik dan berdaya huni melalui tiga komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah yang akhirnya membawa nilai ekonomi yang tinggi. Kita akan pastikan penyudahan projek ini agar lebih telus dan value for money yang kita keluarkan berbanding pelaksanaan sebelum ini yang belanja besar tetapi kurang hasilnya.

Projek- projek lain yang akan turut mengubah lanskap dan kesalinghubungan atau connectivity di Kuala Lumpur adalah seperti rangkaian pejalan kaki yang menghubungkan Jalan Sultan Ismail, Jalan TAR dan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, MRT Stesyen, Bandar Malaysia, “One Integrated Park” dan lain-lain.

Disamping itu juga dalam usaha meningkatkan impak dan keberkesanan pengangkutan awam perkhidmatan bas percuma “Go KL DBKL” telah pun diberi nafas baru dengan menukar laluan ke kawasan perumahan awam yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi sebagai kemudahan ke bandaraya Kuala Lumpur.

Kita juga tidak lupakan penyediaan perumahan bagi golongan pertengahan melalui projek Residensi Wilayah yang kita pertingkatkan dari RUMAWIP sebelum ini. Kita telah menetapkan sejumlah 55 ribu unit dibina di Kuala Lumpur. Walaupun agak sukar kepada Kementerian untuk menentukan lokasi yang sesuai serta kenkangan tanah yang terhad dan nilai tanah yang agak tinggi tetapi program ini tetap diteruskan. Ini juga dengan bantuan dan sokongan pihak swasta melalui penswastan mahupun iniasitif persendirian oleh pemaju sendiri.

Bermula tahun ini sejumlah 10,000 unit telah disasarkan untuk dibina dalam tempoh tiga tahun. Setiap unit Residensi Wilayah ini berkeluasan 900 kaki persegi dengan kepadatan penduduk 800 setiap ekar berbanding RUMAWIP berkeluasan 800 kaki persegi dengan kepadatan 1200 orang seekar dan pada kadar harga tidak melebihi RM 300 ribu seunit yang memberikan lebih keselesaan.

Bagi golongan muda pula dengan isi rumah yang terdiri daripada golongan belia dan berumur di antara 20 hingga 40 tahun turut tidak dilupakan. Ini kerana mengikut statistik menunjukkan hampir 39% daripada penduduk bandar terdiri daripada golongan ini.

Sehubungan itu DBKL akan melaksanakan pembinaan ‘Micro Housing’ untuk tempoh tertentu bagi golongan bujang B40 yang bekerja disekitar Ibu Kota bagi mengurangkan beban kos sara hidup mereka. Projek ini dijangka siap pada tahun ini dengan anggaran kos berjumlah RM 10 juta dan kadar sewa yang bakal dikenakan sekitar RM 100 sebulan.

Manakala dalam aspek kesejahteraan bandar terdapat pelbagai usaha telah dan sedang kita usahakan bagi membantu golongan ibu tunggal dan keluarga golongan B40 kebawah seperti “Program Food Truck”, bantuan peralatan persekolahan (back to school) melalui Yayasan Wilayah Persekutuan, bantuan bas sekolah secara percuma yang melibatkan 9,301 pelajar pada tahun 2018 meliputi Kawasan PA dan PPR DBKL. Ini termasuk juga program Baiti Jannati yang membolehkan kumpulan sasaran asnaf, fakir dan miskin di WPKL boleh memiliki rumah sendiri dalam kediaman yang selesa dengan kerjasama pihak swasta.

### **Sikap dan Mentaliti Kelas Pertama Dunia**

Para hadirin Yang Dihormati sekalian,

Segala kemudahan dan perkhidmatan kelas pertama ini sahaja tidak mencukupi kita mahukan bandaraya yang bersih dan persekitaran yang selesa. Kita inginkan sebuah bandaraya yang bukan sahaja moden tetapi juga yang memiliki kawasan riadah dan rekreasi bagi penghuninya.

Untuk rekod saya difahamkan DBKL terpaksa membelanjakan hampir RM 3.7 juta pada tahun 2018 untuk kerja-kerja penyelenggaraan kesan daripada vandalisme terutamanya dikawasan perumahan awam dan PPR DBKL. Ini melibatkan kerosakan seperti peralatan lif, kemudahan guna sama termasuk taman permainan, peralatan kebakaran, lampu dan kabel elektrik.

Bayangkan sekiranya perkara ini tidak berlaku kerajaan dapat menjimatkan banyak wang dan seterusnya lebih banyak lagi ‘value added’ yang kita boleh laksanakan disamping kemudahan tempat letak kereta bertingkat yang baru dilaksanakan di beberapa tempat di PPR dan Perumahan Awam DBKL.

Sehubungan itu saya menyeru agar kesemua warga kota seharusnya bersyukur serta mempunyai sikap dan mentaliti kelas pertama dunia. Hanya melalui sikap dan daya pemikiran sebegini kita mampu memikul tanggungjawab bersama dalam memelihara bandaraya yang kita cintai ini. Sebagai contoh menjaga harta awam daripada

dirosakkan dan memelihara kebersihan kawasan awam. Inilah yang kita impikan kearah menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya maju dan berdaya huni.

## **Kesimpulan**

Para hadirin Yang Dihormati sekalian,

Saya amat berharap dan berdoa semoga sambutan Hari Wilayah pada tahun ini akan dapat mencapai matlamatnya iaitu:-

- Semoga sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 ini akan dapat memupuk rasa cinta dan sayang kepada Wilayah Persekutuan bagi mencapai harapan saya agar tema “Sayangi Wilayahku” pada tahun ini dapat menambahkan rasa sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan serta dapat mengukuhkan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah Persekutuan sekaligus bersama-sama untuk memajukan lagi Wilayah Persekutuan demi kesejahteraan bersama. Dengan ini matlamat membangunkan bersama kecemerlangan dan kegemilangan Wilayah Persekutuan dapat dicapai.
- Menyemarakkan semangat Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kementerian dan agensinya agar lebih berintegriti dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang cemerlang buat warga kota dalam melaksanakan dasar dan matlamat kerajaan.
- semua program yang telah disusun dan bakal dijayakan oleh KWP dan Agensi di sepanjang bulan Februari ini akan mendapat penyertaan yang tinggi dari warga kota. Program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 ini adalah untuk kita semua yang akan menambahkan lagi semangat kecintaan dan rasa kasih sayang kita kepada Wilayah Persekutuan.

Dikesempatan ini juga saya menyeru agar setiap warga kota agar turun beramai-ramai menyertai dan merasai kehangatan sambutan program hari wilayah di sepanjang bulan Februari ini.



## Penutup

Akhir kata, Alhamdulillah saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam apa sahaja sumbangan samada terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Kenduri Rakyat ini. Ini terutamanya Jawantankuasa Penganjur dan khasnya buat tuan rumah dan YB Timbalan Menteri Pengangkutan merangkap Ahli Parlimen Bandar Tun Razak.

Dengan lafaz, **BISMILLAHIRAHMANIRAHIM** saya dengan ini merasmikan Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan melancarkan Program Kebajikan Wilayah Persekutuan bagi tahun 2019.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum W.B.T.